



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,  
JABATAN OPERASI CUKAI,  
TINGKAT 14 KIRI, BLOK 9,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA,  
50758 KUALA LUMPUR.  
MALAYSIA


Telefon: 03-62091000

Fax: 03-62035425

Homepage LHDNM : [Http://www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LHDN.01/32.3/144/10  
Tarikh : 21 Jun 2011

**Presiden**  
**Institut Percukaian Malaysia**  
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor  
Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 Kuala Lumpur.**



Tuan / Puan,

## **PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN SETEM TERTERA SISTEM FRANGKI DIGITAL SEBAGAI KAEDAH PENYETEMAN DI SELURUH MALAYSIA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) merupakan kaedah penyeteman utama di semua Pejabat Setem Cawangan (PSC) dan Pusat Khidmat Hasil (PKH), LHDNM. Oleh itu, permohonan penyeteman menggunakan STAMPS amat digalakkan.

3. Namun selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambahbaik penyampaian mutu perkhidmatan awam, Sistem Frangki Digital (SFD) dilaksanakan sebagai kaedah penyeteman alternatif untuk urusan di Kaunter Duti Setem. SFD diperkenalkan untuk menggantikan penyeteman surat cara secara setem tertera (berdakwat merah) menggunakan mesin frangki manual.

4. Adalah dimaklumkan bahawa SFD membenarkan penyeteman berduti tetap dan ad valorem dengan syarat-syarat seperti di bawah :

- 4.1 Penyeteman untuk surat cara **selain** daripada permohonan yang telah diproses menggunakan STAMPS dan permohonan pindah milik yang telah diproses di Pejabat Tanah.
- 4.2 Kaedah bayaran yang dibenarkan ialah dengan menggunakan Tunai / Deraf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos sahaja. **Kaedah bayaran menggunakan cek adalah tidak dibenarkan** buat masa ini.
- 4.3 Penggunaan SFD tertakluk kepada waktu Kaunter Duti Setem beroperasi sahaja.

...2/-

5. Pelaksanaan SFD akan diperluaskan secara berperingkat di PSC dan PKH seluruh Malaysia mengikut wilayah / zon seperti di bawah :

Zon / Wilayah	Tarikh Pelaksanaan
<b>Utara :</b> Melibatkan PSC / PKH di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.	22 Jun 2011
<b>Sabah/Sarawak</b>	24 Jun 2011
<b>Selatan :</b> Melibatkan PSC / PKH di negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.	27 Jun 2011
<b>Timur :</b> Melibatkan PSC / PKH di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.	

6. Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) PKH yang tidak akan terlibat dengan pelaksanaan SFD iaitu :

- 6.1 PKH Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- 6.2 PKH Segamat, Johor
- 6.3 PKH Kudat, Sabah
- 6.4 PKH Lahad Datu, Sabah
- 6.5 PKH Mukah, Sarawak

7. Oleh itu, mohon tuan / puan edarkan maklumat yang secukupnya kepada pihak yang berkenaan.

8. Bersama-sama ini dikemukakan contoh setem tertera SFD untuk maklumat tuan/puan.

9. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi talian berikut :

- 9.1 Pegawai : Puan Siti Samiah Miskon  
Nombor Telefon : 03-62010821  
03-6209100 (samb 33763)
- 9.2 Pegawai : Encik Ahmad Zaki Abd Rahim  
Nombor Telefon : 03-62091000 (samb 31823)
- 9.3 Pegawai : Encik Khairul Anhar Jamil  
Nombor Telefon : 03-62091000 (samb 31823)

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**[ ABDUL MANAF BIN DIM ]**

Pengarah Jabatan Operasi Cukai

b.p : Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.


1. SETEM TERTERA DUTI ASAL



2. SETEM TERTERA DUTI ASAL BERSERTA PENALTI



3. SETEM TERTERA PENALTI



4. SETEM TERTERA BATAL

